

# KEDUDUKAN MAHATHIR DAN KABINET TAK TERJEJAS

Oleh Rosli Ismail, Razif Ahmad  
dan Rozaid Abdul Rahman

KUALA LUMPUR 4 Feb. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad lewat malam ini menegaskan bahawa kedudukannya sebagai Perdana Menteri tidak terjejas walaupun Mahkamah Tinggi mengisytiharkan UMNO sebuah pertubuhan tidak sah.

Beliau menegaskan, kerajaan tidak akan berurusan dengan apa yang sedang dihadapi oleh UMNO.

Datuk Sri Dr. Mahathir yang diserbu oleh puluhan wartawan tempatan dan asing selepas beliau menghadiri satu majlis di Hotel Shangri-La berkata: "Perdana Menteri tetap Perdana Menteri."

Ditanya sama ada beliau akan memanggil mesyuarat tergempar Majlis Tertinggi UMNO untuk membincangkan masalah yang dihadapi, Perdana Menteri menegaskan: "Mesyuarat itu tidak boleh diadakan sebab semuanya tidak boleh berfungsi."

Datuk Sri Dr. Mahathir yang diujani pertanyaan bertalu-talu dari para wartawan berkata, beliau tidak dapat mengulas lebih panjang kerana belum tahu tentang keputusan penuh kes tersebut.

Perdana Menteri yang kelihatan tenang meninggalkan Hotel Shangri-La pada pukul 11.50 malam setelah menghadiri Malam Penghargaan EON.

Sementara itu beberapa orang peguam malam ini juga menyatakan keputusan Mahkamah Tinggi yang mengisytiharkan Parti UMNO sebagai tidak sah, tidak sedikitpun menjejaskan kedudukan kabinet yang diketuai oleh Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad sekarang.

Salah seorang peguam yang diminta mengulas keputusan tersebut berkata, kerajaan dibentuk melalui perlembagaan yang antara lain menyatakan pemimpin dengan kumpulan yang dibentuk atas apa nama sekalipun jika memperoleh undi majoriti di dalam pilihanraya umum boleh dipanggil oleh Yang di-Pertuan Agong untuk menubuhkan sebuah kerajaan.

**LIHAT MUKA 6**

# KEDUDUKAN MAHATHIR TAK TERJEJAS

UM 5 FEB 1988

Dengan itu, kalau sesebuah parti yang mewakili golongan majoriti itu dimansuhkan atau diharamkan sekalipun, mereka masih boleh mewakili kerajaan atas nama kumpulan majoriti kecuali ahli - ahli Parlimen menjatuhkan undi tidak percaya ke atas kerajaan," katanya.

Beliau menegaskan, dari segi teknik, parti UMNO masih ada kerana ia dibentuk sebagai sebuah pertubuhan yang sah cuma ia "digam" sebagai tidak sah kerana terdapat beberapa cawangan yang didapati tidak didaftarkan terlebih dahulu sebelum berlangsungnya sebuah perhimpunan agung parti.

Seorang peguam lain pula berkata, pengharaman UMNO tidak bermakna ahli - ahli Parlimen yang telah dipilih dalam proses pilihanraya turut terjejas kerana parti tidak semestinya membentuk sebuah kerajaan.

Yang membe' sebuah kerajaan, katanya, ialah sebuah kumpulan yang bersependapat dan tidak bercanggah ideologi mereka

dipilih untuk ke Parlimen. Soalatas tiket manakah mereka bertanding tidak timbul langsung dalam kes UMNO tidak sah.

"Dari segi teknikalnya memanglah kerajaan yang ada sekarang diwakili oleh sebuah parti yang diperolehi sokongan majoriti tetapi kemudiannya diisytiharkan tidak sah oleh mahkamah kerana beberapa sebab teknikal tetapi dari satu segi yang lain pula, mereka kini masih mewakili kumpulan majoriti tersebut atas sokongan rakyat yang majoriti dengan tiket ahli bebas sekarang," katanya. Mengenai keperluan untuk didaftar semula, para peguam itu sependapat bahawa, yang akan menjadi masalah ialah proses pembentukan semula cawangan, bahagian dan Majlis Tertinggi.

Menurut prosesnya, untuk

menubuh balik parti tersebut mestilah mengadakan sebuah mesyuarat jawatankuasa sementara di mana mereka akan mengumpul dan menghantarkan nama - nama ahli yang sah kepada Pendaftar Pertubuhan.

Dari situ, kumpulan jawatankuasa sementara ini mestilah pula mengadakan mesyuarat agung untuk membentuk cawangan - cawangan, bahagian, kemudian pemilihan Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO.

Satu lagi cara, menurut seorang peguam lagi, UMNO mungkin tidak perlu mendaftarkan semula semua cawangannya tetapi cukup sekadar mendaftar semula cawangan - cawangan yang tidak didaftarkan itu tetapi perkara ini mestilah dikaji dan diteliti oleh para peguam UMNO.